

Remedi Mangsa Keganasan dalam Rumah Tangga Mengikut Undang-undang Jenayah dan Sivil

Mohamed Azam Mohamed Adil

Abstract: The article attempts to scrutinise the remedy of victims in the criminal and civil laws focusing on the family laws applied in the country on the muslims as well as the non-muslims. A special attempt is made to find the solution of how to resolve the acts of violence and injustice in domestics, said to be increasing, based on the Domestic Violence Act 1994, recently enforced by the Malaysian authority as a measure to protect family members from any unjust situation.

Pendahuluan

Keganasan dalam rumah tangga bukan merupakan suatu fenomena baru dalam kehidupan sosial di Malaysia. Terdapat 262 kes yang melibatkan keganasan rumah tangga pada tahun 1991, 212 pada tahun 1992, 243 pada tahun 1993 dan 268 pada tahun 1994.¹ Memandangkan kes penganiayaan ini meningkat dan banyak melibatkan kaum wanita maka Akta Keganasan Rumah tangga 1994 atau *Domestic Violence Act 1994* (selepas ini AKRT 1994) telah diluluskan oleh Parlimen pada 24 Jun, 1994 dan diwartakan pada 7 Julai, 1994. AKRT 1994 merupakan salah satu dari akta-akta yang diluluskan oleh Parlimen bertujuan melindungi ahli keluarga penganiayaan dan keganasan rumah tangga.

Remedi di bawah Undang-undang Jenayah

Dari sudut undang-undang jenayah, terdapat dua aspek perundangan yang melindungi mangsa keganasan dalam rumah tangga:

a. Kanun Kesiksaan

Secara umumnya terdapat banyak peruntukan yang boleh dikategori sebagai penganiayaan atau keganasan dalam rumah tangga. Namun tidak kesemua kesalahan yang dilakukan itu boleh ditangkap. Peruntukan dalam Kanun Kesiksaan membezakan antara “kesalahan boleh tangkap” (*seizable offence*) atau “kesalahan tidak boleh tangkap” (*non seizable offence*). Ia meliputi kesalahan-kesalahan seperti serangan,² kekerasan jenayah,³ dengan sengaja menyebabkan cedera,⁴ dengan sebab menyebabkan cedera parah,⁵ dengan sengaja menyebabkan cedera dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya,⁶ dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau lain-lain benda yang merbahaya,⁷ mencuba membunuh orang,⁸ mematikan orang dengan salah,⁹ membunuh orang,¹⁰ menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah dengan niat hendak menjatuhkan kehormatan seseorang dengan niat hendak mencabul kehormatan,¹¹ serangan atau kekerasan jenayah pada mencuba hendak mengurung seseorang dengan salah,² menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah atas bangkitan marah yang besar,¹³ rogol¹⁴ dan kesalahan-kesalahan luar tabi’i.¹⁵

Kanun Kesiksaan memperuntukkan beberapa seksyen bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan penganiayaan suami terhadap isteri. Mengikut seksyen 352 Kanun Kesiksaan, seseorang suami boleh dihukum penjara tiga bulan atau denda sehingga seribu ringgit atau kedua-dua sekali sekiranya dia menggunakan kekerasan jenayah atau menyerang isterinya. Suami juga boleh dihukum dengan penjara sehingga setahun atau denda sehingga dua ribu ringgit atau kedua-dua sekali bagi kesalahan mencederakan isteri dengan sengaja.¹⁶ Hukuman yang lebih berat boleh dikenakan ke atas suami yang menggunakan senjata bahaya dengan tujuan untuk mencederakan isterinya. Siksaan bagi kesalahan ini ialah penjara yang boleh sampai tiga tahun, atau dengan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan, atau dengan mana-mana dua daripada hukuman-hukuman tersebut.¹⁷ Begitu juga bagi kesalahan sengaja menyebabkan cedera parah terhadap isteri, seseorang suami boleh dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, dan boleh juga dikenakan denda.¹⁸ Bagi kesalahan dengan sengaja menyebabkan cedera parah dengan jalan menggunakan senjata atau benda-benda yang merbahaya, siksaannya ialah penjara yang boleh sampai dua puluh tahun dan denda atau sebat dengan jari ampai atau rotan.¹⁹ Seseorang suami juga boleh dikenakan hukuman penjara sehingga dua puluh tahun jika perbuatan beliau menyebabkan cedera kepada isterinya. Hal keadaan yang sama juga dikenakan ke atas suami seandainya beliau menyebabkan kematian dengan cuai terhadap isterinya. Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara yang boleh sampai dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.²⁰ Hukuman yang paling berat diperuntukkan dalam Kanun Kesiksaan

ialah bunuh. Ia boleh dikenakan kepada mereka yang sengaja membunuh orang.²¹

gi

ai

in

in

'

in

ra

iu

in

h

u

g

la

n

n

m

n

a

h

n

n

g

n

u

-

h

h

b. Kanun Acara Jenayah

Di samping seseorang isteri yang dianiaya oleh suaminya boleh menuntut hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam Kanun Kesiksaan, mereka juga boleh menuntut hak mereka dalam Kanun Acara Jenayah. Seksyen 23 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan bagaimana polis atau penghulu boleh melakukan tangkapan tanpa waran terhadap mereka yang melakukan kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Kesiksaan. Dalam melakukan tangkapan tersebut seseorang Majistret diberi kuasa oleh Kanun Kesiksaan untuk mengeluarkan waran geledah untuk bertindak terhadap sesuatu sebab yang boleh dipercayai bahawa seseorang itu telah dikurung secara menyalahi undang-undang.²² Di samping itu, pihak polis juga diberi kuasa untuk melakukan tangkapan setelah mengetahui maklumat mengenai rancangan kesalahan yang boleh tangkap.²³ Justeru itu, jika polis enggan bertindak terhadap suami yang melakukan keganasan terhadap isterinya, pihak berkenaan boleh membuat aduan kes kepada Majistret mengikut seksyen 133 Kanun Acara Jenayah.

Meskipun kedua-dua undang-undang seperti Kanun Kesiksaan dan Kanun Acara Jenayah cuba mengatasi perbuatan penganiayaan dan keganasan terhadap isteri, namun ia tidak dapat menyelesaikan masalahnya kalau pihak berkuasa seperti polis tidak mahu mengambil tindakan undang-undang. Perlu ditekankan bahawa orang yang mula-mula sekali yang akan dihubungi oleh mangsa ialah polis. Tetapi pihak polis lazimnya keberatan untuk mendakwa mereka yang terlibat ke muka pengadilan kecuali mangsa mengalami kecederaan yang serius. Pihak polis hanya mendakwa mereka yang menyebabkan kecederaan besar yang melibatkan senjata.²⁴ Sebenarnya pihak polis enggan mengambil tindakan kerana pihak yang terlibat merupakan suami isteri dan menganggap ia merupakan "urusan rumah tangga".²⁵ Oleh yang demikian, kes penganiayaan dan keganasan dalam rumah tangga terutama yang melibatkan pihak isteri tidak dapat dibendung kerana tidak mendapat kerjasama dari pihak polis. Justeru itu, pihak mangsa tidak dapat mengadu hal mereka kepada pihak polis dan ini meningkatkan lagi kes penganiayaan terhadap isteri.²⁶

Remedi di bawah Undang-undang Sivil

Selain dari undang-undang jenayah, seseorang isteri yang dianiaya oleh suaminya boleh juga mengambil tindakan undang-undang melalui undang-undang sivil di antaranya.

a. Akta Perempuan Bersuami 1957 (Pindaan 1994)

Seseorang isteri boleh memohon perlindungan untuk dirinya dan keselamatan hartanya tanpa mengira sama ada beliau seorang Islam atau tidak. Walau bagaimanapun sebelum pindaan pada tahun 1994 seseorang isteri tidak boleh mengambil tindakan

terhadap suaminya bagi sesuatu tort.²⁷ Seksyen 9(4) Akta Perempuan Bersuami, 1957 memperuntukkan "tidak ada apa-apa prosiding jenayah yang boleh diambil terhadap seseorang suami atau isteri pada masa mereka masih tinggal bersama mengenai apa-apa harta yang dituntut oleh sesuatu apa-apa yang dilakukan oleh sesuatu daripada mereka pada masa mereka tinggal bersama kecuali apabila harta itu telah diambil oleh suami atau isteri apabila ia keluar atau meninggalkan pihak satu lagi itu atau dia hendak membuat demikian". Persoalan ini dijelaskan dalam satu kes penting *Mohd. Habibullah bin Mahmood lawan Faridah bt. Dato Talib*.²⁸ Kedua-dua pihak adalah orang Islam ketika mereka berkahwin pada 5 Ogos, 1965 di Batu Pahat, Johor dan didaftarkan di Jabatan Agama Islam Johor pada 9 Ogos, 1965. Pada 3 Mac, 1989 pihak plaintiff memfailkan petisyen untuk bercerai mengikut Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 di Mahkamah Syariah, Kuala Lumpur. Pihak plaintiff mendakwa bahawa beliau telah dianiayai oleh suaminya beberapa kali. Sementara menunggu tarikh perbicaraan di Mahkamah Syariah, pihak plaintiff telah memfailkan satu tindakan wrt di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur terhadap suaminya menuntut ganti rugi dan injunksi terhadap serangan dan ancaman yang dibuat oleh suaminya. Mahkamah memutuskan bahawa kes ini melibatkan undang-undang tort. Sekiranya dakwaan serangan dan ancaman itu boleh dibuktikan, ia hanya boleh diambil tindakan mengikut peruntukan jenayah. Oleh kerana pihak plaintiff dan defendant merupakan suami isteri maka dakwaan serangan dan ancaman itu dikira sebagai tort kerana ia tidak melibatkan perlindungan atau keselamatan harta. Justeru itu, pihak plaintiff tidak boleh mengambil tindakan mahkamah terhadap suaminya mengikut seksyen 9(2) Akta Perempuan Bersuami, 1957. Keputusan Mahkamah Agong ini mengenepikan keputusan sebelum ini yang dibuat di peringkat Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang membenarkan permohonan pihak isteri mendapat ganti rugi terhadap serangan dan ancaman yang dibuat oleh suaminya kerana Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa mendengar kes ini.²⁹ Sebenarnya peruntukan yang tidak membenarkan seseorang suami atau isteri mengambil tindakan undang-undang tort terhadap satu sama lain adalah merujuk kepada undang-undang common di England.³⁰ Walau bagaimanapun Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes ini mengikut perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan kerana pihak-pihak yang terlibat adalah orang Islam. Oleh yang demikian, pihak plaintiff boleh mendakwa pihak suaminya mengikut seksyen 127 Akta Undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persekutuan) 1984 dan pihak Mahkamah Syariah boleh mengarahkan suaminya tidak mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas isterinya. Kemungkinan mematuhi perintah ini boleh dihukum sebagai suatu penghinaan terhadap mahkamah.³¹

Tetapi Akta Perempuan Bersuami, 1957 telah dipinda pada tahun 1994 yang memberi peluang kepada orang bukan Islam yang dianiayai untuk mengambil tindakan undang-undang dalam tort. Sebelum ini, hanya pihak yang beragama Islam nampaknya mempunyai remedi untuk mengemukakan tindakan tort kalau berlaku serangan dan ancaman oleh pasangannya.³²

b. Undang-undang Keluarga

i. Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976

Akta 1976 ini terpakai ke atas mereka yang bukan beragama Islam. Mengikut peruntukan yang ada dalam seksyen 103, "Mahkamah adalah berkuasa dalam masa menanti keputusan sesuatu perbicaraan hal ehwal perkahwinan atau pada atau selepas pemberian sesuatu dikri perceraian, perpisahan kehakiman atau pembatalan, memerintah seseorang supaya jangan memaksa suami isterinya yang terdahulu menerima kehadirannya dan supaya jangan melakukan lain-lain perbuatan gangguan". Di samping peruntukan yang terkandung dalam seksyen 103 Akta 1976, seksyen 53(1) Akta tersebut memberi "lampa hijau" kepada seseorang isteri untuk memohon perceraian jika perkahwinan itu sudah tidak bermakna lagi atau *irretrievably broken down*. Justeru itu, seseorang isteri yang dianiayai sama ada diserang atau diancam boleh memohon perceraian memandangkan rumah tangga tersebut telah berkecaci. Dalam hal ini pihak mangsa iaitu isteri hendaklah dapat meyakinkan pihak mahkamah bahawa terdapat satu fakta atau lebih bahawa perbuatan suaminya tidak memungkinkan isteri itu dapat hidup bersamanya.³³ Walau bagaimanapun, bukanlah suatu perkara mudah bagi wanita bukan Islam memohon perceraian kerana mereka terpaksa melalui pelbagai proses undang-undang. Seksyen 50 (1) Akta 1976 tidak membenarkan mana-mana pihak memohon pembubaran perkahwinan dalam tempoh dua tahun selepas sesuatu perkahwinan itu dilangsungkan kecuali dalam keadaan-keadaan yang terpaksa. Peruntukan ini nampaknya menyusahkan pihak isteri yang menjadi mangsa penganiayaan memohon pembubaran perkahwinan dalam tempoh tersebut kecuali dapat membuktikan yang perkahwinan itu "sudah tidak dapat diselamatkan". Lagipun, amat sukar pihak mangsa untuk membawa bukti kukuh yang beliau hidup dalam keadaan sengsara.³⁴

Peruntukan dalam seksyen 50(1) Akta 1976 bukan sahaja tidak memberi peluang kepada pihak mangsa penganiayaan berpisah dari suaminya tetapi seksyen 55 Akta tersebut juga nampaknya memberi ruang penganiayaan suami terhadap isteri. Ini dapat dibuktikan dengan peruntukan seksyen 55 Akta 1976 di mana satu badan perundingan hendaklah ditubuhkan dalam menyelesaikan konflik dalam sesuatu rumah tangga dalam jangka masa enam bulan. Seandainya badan perundingan itu gagal menyelesaikan masalah rumah tangga pihak berkenaan, badan tersebut hendaklah mengeluarkan satu sijil. Dari sini barulah boleh proses seterusnya diambil bagi memfailkan petisyen perceraian.³⁵

ii. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984

Bagi mangsa penganiayaan yang beragama Islam, mereka boleh bertindak dengan menggunakan peruntukan yang ada dalam undang-undang keluarga Islam. Bagi makalah ini, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 digunakan. Mengikut Akta tersebut, seseorang isteri boleh memohon untuk membubarkan perkahwinannya melalui dua cara. Pertama, seseorang isteri berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh. Di antara faktor-faktor

yang membolehkan seseorang isteri berbuat demikian ialah apabila suaminya menganiayainya,³⁶ iaitu:

- i) lazim menyakiti atau menjadikan kehidupannya menderita disebabkan oleh kelakuan aniaya; atau
- ii) berkawan dengan perempuan-perempuan jahat atau hidup berperangai keji mengikut pandangan Hukum Syarak;
- iii) mencuba memaksa isteri hidup secara lucah; atau
- iv) melupuskan harta isteri atau melarang isteri itu dari menggunakan hak-haknya di sisi undang-undang terhadap harta itu; atau
- v) menghalang isteri dari menunaikan atau menjalankan kewajipan atau amalan agamanya; atau
- vi) jika ia mempunyai isteri lebih daripada seorang, dia tidak melayani isteri yang berkenaan secara adil mengikut kehendak-kehendak hukum Syarak.

Dalam satu kes *Hairun lawan Omar*,³⁷ pihak Mahkamah Rendah Syariah mendapati bahawa defendan telah menyerang plaintif yang mengakibatkan kecederaan parah. Meskipun begitu, oleh kerana serangan itu tidak kerap dan mengikut undang-undang Islam, suami harus memukul isteri dengan niat nasihat, Mahkamah telah menolak permohonan plaintif memohon pembubaran perkahwinan melalui fa sakh. Bagaimanapun, dalam rayuan plaintif di Mahkamah Rayuan Syariah, pihak Mahkamah mendapati perbuatan menyerang isteri walaupun tidak kerap sudah cukup membuktikan terdapat penganiayaan terhadap isteri. Justeru itu, Mahkamah Rayuan Syariah membenarkan permohonan plaintif untuk membubarkan perkahwinannya melalui fasakh mengikut peruntukan seksyen 52(1)(h) bersama seksyen 52(1)(I) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 1984.

Kedua, seseorang isteri yang dianiyai boleh juga memohon pembubaran perkahwinan melalui cerai *ta'liq*³⁸ Seksyen 50(I) memperuntukkan "Seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapat perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan *ta'liq* yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku". Apabila menerima permohonan dari pihak isteri untuk membubarkan sesuatu perkahwinan melalui cerai *ta'liq*, mahkamah hendaklah menyiasat terhadap dakwaan yang dikemukakan oleh pihak isteri adalah benar dan mengikut Hukum Syarak maka pihak mahkamah akan membubarkan perkahwinan itu walaupun tanpa kehadiran pihak suami.³⁹ Permohonan perceraian dari jenis ini dapat dilihat dalam kes *Dah lawan Abdullah*⁴⁰ di mana pihak isteri telah mengadu kepada mahkamah bahawa suaminya telah menyerangnya. Perbuatan suaminya itu telah menyebabkan tangannya luka dan beliau terpaksa mendapat rawatan di hospital. Di samping itu juga pihak isteri telah membuat laporan polis terhadap kejadian tersebut. Pihak defendan menafikan dakwaan isteri tetapi gagal menjawab apabila disoal balas oleh pihak plaintif. Akhirnya Mahkamah membenarkan permohonan plaintif dengan talak satu. Dalam kes yang lain *Hasnah lawan Saad*,⁴¹

pihak isteri telah memohon cerai *ta'liq* atas alasan bahawa suaminya telah mencederakan mukanya. Pihak plaintiff juga telah mengemukakan surat rawatan yang menyokong dakwaan beliau. Tetapi pihak defendan menafikan dakwaan isteri. Mengikut defendan, luka yang terdapat di muka sehingga ke sebelah telinga kanannya merupakan perbuatannya sendiri. Walau bagaimanapun setelah Mahkamah berpuas hati bahawa dakwaan pihak isteri adalah benar, Mahkamah memihak kepada pihak plaintiff dan membenarkan permohonan isteri untuk bercerai melalui *ta'liq*.

Dalam memberi perlindungan kepada isteri yang beragama Islam seksyen 107(1) dan (2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 sebagai contohnya memperuntukan bahawa Mahkamah adalah berkuasa dalam masa perbicaraan hal ehwal suami isteri yang masih belum selesai atau pada atau selepas pemberian sesuatu perintah perceraian, fasakh atau pembatalan memerintahkan seseorang menahan dirinya dari mengganggu atau menceroboh dengan apa-apa cara pun ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya. Kemungkinan mematuhi sesuatu perintah yang dibuat di atas seksyen ini boleh dikenakan hukuman sebagai suatu penghinaan terhadap Mahkamah.⁴² Kalau dilihat kepada peruntukan yang diberikan dalam kedua-dua undang-undang di atas iaitu Akta 1976 dan Akta 1984, ia memberi kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan satu injunksi melarang perbuatan penganiayaan atau gangguan atau pencerobohan. Tetapi injunksi ini hanya boleh dikeluarkan jika "...semasa menanti keputusan perbicaraan hal ehwal perkahwinan atau pada atau selepas sesuatu perintah atau dikri perceraian fasakh atau perpisahan kehakiman atau pembatalan ..."⁴³ Justeru itu, ini menyulitkan mangsa untuk memohon injunksi terutamanya bagi pihak yang beragama Islam kerana Mahkamah Tinggi tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar perkara yang berkaitan dengan hal ehwal perkahwinan bagi orang-orang Islam. Maka tidak lain tidak bukan, kalau seseorang isteri mahu juga memohon injunksi di Mahkamah Tinggi, beliau hendaklah menggunakan cara lain seperti yang diperuntukkan dalam Akta Relief Spesifik. Cara ini bukanlah mudah kerana ia lebih sukar dan memakan belanja yang mahal.⁴⁴

Dalam keadaan yang lain pula, wanita Islam nampaknya beruntung kerana Undang-undang Keluarga yang ada di setiap negeri memberi perlindungan dari penganiayaan. Sebagai contohnya dalam seksyen 127 Akta 1984 memperuntukan bahawa "seseorang yang menganiaya isterinya atau menipu harta isterinya adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali".⁴⁵ Ini disusuli dengan peruntukan tambahan dalam seksyen 128 yang menyebut "seseorang yang tidak memberi keadilan sewajarnya kepada isterinya mengikut hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali".⁴⁶

Melihat kepada peruntukan dalam seksyen 127 dan 128 Akta 1984, ia memberi remedii kepada isteri yang dianiayai. Suami yang menganiayai isterinya boleh dihukum penalti sehingga maksimum denda seribu ringgit atau denda sehingga enam bulan. Peruntukan seperti ini tidak terdapat dalam Akta 1976. Oleh itu, dapat dikatakan bahawa wanita Islam lebih beruntung berbanding dengan wanita bukan Islam dalam menghadapi

penganiayaan suami.⁴⁷

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

Memandangkan kelemahan undang-undang yang sedia ada sebelum ini bagi melindungi isteri yang dianiayai, maka kerajaan telah menggubal satu rang undang-undang baru yang dikenali Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 yang berkuatkuasa pada 1 Jun 1996 yang lalu. Ini berikutan tidak ada peruntukan yang membolehkan seseorang wanita mendapatkan injunksi melindungi beliau dari dianiayai terutama oleh suaminya. Apa yang diperuntukkan dalam undang-undang sebelum ini ialah pihak isteri boleh memohon injunksi melarang sebarang perbuatan penganiayaan oleh suaminya terhadapnya selama mana keputusan permohonan perceraian belum selesai.⁴⁸ Peruntukan ini tidak berapa adil kerana ramai wanita yang tidak mahu perkahwinan mereka dibubarkan atas alasan berlaku keganasan dalam rumah tangga.⁴⁹ Apa yang mereka mahu ialah satu injunksi melarang suami meneruskan keganasan terhadap mereka sama ada berbentuk fizikal maupun mental.⁵⁰

Begitu juga injunksi yang dikeluarkan hanyalah melarang perbuatan penganiayaan tanpa perincian larangan tersebut. Misalnya melarang suami dari memasuki rumah kediaman. Injunksi itu juga mestilah dapat menegah suami dari mengganggu isteri bukan sahaja di rumah kediaman malah di mana-mana, malah dilarang juga berkomunikasi dengan isteri jika perbuatan tersebut boleh mengakibatkan penganiayaan fizikal ataupun mental. Di samping itu juga injunksi berkenaan boleh didapati secara *ex parte* dan dalam masa dua puluh empat jam.⁵¹

Beberapa kelemahan lain yang wujud dalam peruntukan undang-undang sebelum berkuatkuasanya Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 ialah ketidakwujudan kuasa oleh mahkamah untuk mengeluarkan arahan larangan pihak yang melakukan keganasan dari memasuki rumah kediaman. Dengan lain perkataan, mahkamah tidak mempunyai kuasa mengarah suami keluar dari rumah kediaman.⁵² Begitu juga, mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa mengarah orang ketiga yang di bawa masuk oleh pihak suami ke dalam rumah kediaman untuk melakukan keganasan dalam rumah tangga.⁵³

Tujuan Penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

Tujuan sebenar penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 adalah untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga seperti penganiayaan dan penderaan di kalangan suami isteri dan ahli keluarga yang tinggal serumah. AKRT 1994 ini bukanlah bertujuan untuk memisahkan suami isteri atau keluarga tetapi hanya sekadar menahan dan mengenakan hukuman ke atas mereka yang membuat penganiayaan. Ia merupakan suatu penawar segera yang dapat memberi perlindungan baik dari fizikal maupun mental mangsa yang dianiayai.⁵⁴

Keganasan dalam rumah tangga meliputi melakukan perbuatan dengan sengaja atau berniat mencederakan atau menakutkan mangsa secara fizikal, menyebabkan kecederaan fizikal, menyuruh mangsa melakukan sesuatu dengan paksaan atau ugutan

yang mangsa berhak membuat keputusan sama ada ingin melakukannya atau tidak, mengurung mangsa tanpa kerelaannya dan dengan niat menyebabkan kemarahan mangsa dan kerugian atau kerosakan harta oleh seseorang terhadap isteri atau suaminya; bekas isteri atau suaminya; kanak-kanak; orang dewasa yang tidak berkeupayaan; atau mana-mana anggota lain keluarga.⁵⁵

Akta ini melindungi isteri, suami, bekas isteri, bekas suami, anak-anak, ibu bapa dan ahli keluarga yang tinggal serumah seperti abang, adik, kakak, anak lelaki, anak perempuan atau ibu bapa mangsa. Sekiranya berlaku sebarang penganiayaan ke atas seseorang seperti yang ditakrifkan dalam seksyen 2 AKRT 1994, mangsa hendaklah membuat laporan di balai polis berhampiran. Pihak polis kemudiannya akan menyiasat terhadap laporan tersebut mengikut peruntukan yang diberi dalam Kanun Acara Jenayah. Polis akan menahan orang yang disyaki itu di bawah tahanan polis selama dua puluh empat jam dan membawanya ke Mahkamah Majistret keesokannya seandainya memerlukan masa tambahan sehingga empat belas hari untuk membawa kes tersebut ke muka pengadilan. Di samping itu, si mangsa juga mestilah membuat pemeriksaan doktor di hospital kerajaan dan mengambil gambar di bahagian yang cedera walaupun kecederaan itu tidak serius. Sekiranya kes itu berpanjangan ke mahkamah, si mangsa dinasihatkan memberitahu seseorang untuk dijadikan sebagai saksi dalam perbicaraan.⁵⁶ Memandangkan AKRT 1994 merupakan suatu akta di bawah undang-undang jenayah, peruntukan-peruntukannya hendaklah dibaca bersama dengan Kanun Kesiksaan.⁵⁷ Bagi maksud ini, seseorang yang menganiaya seseorang lain termasuk isterinya, dengan sengaja menyebabkan cedera, boleh dihukum penjara sehingga setahun atau denda yang boleh sampai dua ribu ringgit atau kedua-duanya sekali.⁵⁸ Hukuman yang lebih berat akan dikenakan sekiranya menyebabkan dengan sengaja cedera parah. Hukuman bagi kesalahan ini ialah penjara sehingga tujuh tahun dan boleh juga dikenakan denda.⁵⁹

Dalam masa menunggu penyiasatan yang dibuat oleh pihak berkuasa, pihak mangsa memohon kepada mahkamah satu arahan perlindungan interim terhadap pihak melakukan keganasan itu dari meneruskan aktivitinya terhadap pasangannya atau bekas pasangannya atau anak-anaknya atau mana-mana anggota keluarga lain sebagaimana aduan yang dibuat kepada mahkamah itu.⁶⁰ Permohonan perlindungan interim ini amat penting memandangkan tempoh masa yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menyiasat sesuatu dakwaan keganasan dalam rumah tangga adalah panjang. Sesuatu perintah perlindungan interim ini akan terhenti dengan tamatnya penyiasatan itu.⁶¹ Walau bagaimanapun, mengikut seksyen 13 Akta tersebut, perintah perlindungan tersebut boleh diperolehi oleh pendakwa raya dalam kes-kes yang melibatkan prosiding jenayah bergantung kepada bidang kuasa dalam Kanun Kesiksaan sebagai satu syarat membebaskan tertuduh dengan jaminan atau mana-mana peringkat lain prosiding itu atau semasa mengkompaunkan kesalahan itu di bawah seksyen 260 Kanun Prosedur Jenayah.⁶²

Kuasa Menahan

Mengikut peruntukan dalam AKRT 1994, mahkamah boleh mengeluarkan satu perintah perlindungan atau perlindungan interim supaya menangkap pesalah dan

seterusnya membawanya ke muka pengadilan dalam masa dua puluh empat jam. Pesalah ini tidak boleh dibebaskan dalam tempoh tersebut kecuali mendapat kebenaran dari mahkamah. Dalam hal ini, sesiapa yang didapati elanggar perintah perlindungan interim ini boleh dihukum denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara sehingga enam bulan bagi kesalahan pertama. Bagi kesalahan melanggar perintah tersebut dengan menggunakan keganasan ke atas orang yang dilindungi, hukuman denda sehingga RM4,000 atau penjara tidak melebihi setahun boleh dikenakan. Bagi pelanggaran kali kedua dan seterusnya, hukuman penjara selama tempoh tidak kurang dari tujuh puluh jam dan tidak lebih dari dua tahun dan denda tidak lebih RM5,000 boleh dikenakan.⁶³

Kesimpulan dan Cadangan

Terdapat pelbagai remedii dalam perundangan Malaysia terhadap mangsa dalam keganasan rumah tangga. Kalau dilihat kepada undang-undang sebelum adanya AKRT 1994 mempunyai peruntukan yang lebih khusus dalam menangani keganasan rumah tangga. Perintah perlindungan interim ke atas mangsa dan perintah menghalang pelaku dari terus melakukan keganasan terhadap si mangsa merupakan dua peruntukan terpenting dalam AKRT 1994 yang tidak terdapat dalam peruntukan undang-undang sebelum ini.⁶⁴ Setiap perintah perlindungan boleh dikeluarkan sehingga dua belas bulan dari tarikh ia dikuatkuasakan dan tempoh ini boleh dilanjutkan sehingga dua belas bulan lagi jika mahkamah merasakan ia perlu dilanjutkan.⁶⁵

Seandainya suatu perintah itu dilanggar, maka mahkamah mempunyai kuasa membantu satu perlindungan baru. Setiap kali perlenggaran berlaku mahkamah mempunyai kuasa mengeluarkan satu perlindungan baru demi memberi perlindungan kepada si mangsa.⁶⁶ Bukan setakat itu sahaja, begi mereka yang melanggar perintah perlindungan boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara sehingga enambulan atau kedua-duanya. Jika pelanggaran itu dibuat dengan cara kekerasan, pelaku boleh didenda sehingga RM4,000 atau penjara sehingga satu tahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang lebih berat boleh dikenakan sekiranya perlenggaran dibuat seterusnya dengan hukuman penjara tidak kurang dari tujuh puluh dua jam dan tidak lebih dari dua tahun dan boleh didenda tidak melebihi RM5,000.⁶⁷

Satu lagi kebaikan dalam AKRT 1994 yang seiring dengan pindaan ke atas Akta Perempuan Bersuami 1957 pada tahun 1994 mendapat pampasan kerana kecederaan pada tubuh badan atau kerosakan harta.⁶⁸

Memandangkan peruntukan yang diberi dalam AKRT 1994 lebih memberi keadilan kepada mangsa akibat keganasan dalam rumah tangga, beberapa tindakan susulan perlu diambil demi melicinkan perjalanan Akta ini. Ini termasuk menyediakan borang-borang khas apabila mangsa membuat laporan di balai-balai polis. Di samping itu, pihak polis juga hendaklah didedahkan betapa seriusnya kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga dan jangan hanya bertindak kalau ia bukan dari kesalahan yang tidak boleh tangkap (*non seizable offence*). Begitu juga penyiasatan hendaklah dibuat dalam kes-kes keganasan rumah tangga dan janganlah hanya menunggu kes-kes yang serius dan yang melibatkan kecederaan besar sahaja. Akhirnya, pihak polis mestilah didedah dan

diberi latihan secukupnya terhadap prosedur yang terdapat dalam Akta ini agar semua kes-kes yang melibatkan keganasan rumah tangga dapat ditangani dengan adil. 69 Sesungguhnya dengan berkuatkuasanya AKRT 1994 pada 1 Jun, 1996 dapat membela wanita yang dianiayai, yang sebelum ini tidak dapat diberi perlindungan dan pertolongan yang sewajarnya.

NOTA HUJUNG

1. New Straits Times, Wednesday, March 27, 1996, hal. 1.
2. Lihat seksyen 351 Kanun Kesiksaan, Seksyen 351.
3. *Ibid*, seksyen 350.
4. *Ibid*, seksyen 321.
5. *Ibid*, seksyen 322.
6. *Ibid*, seksyen 324.
7. *Ibid*, seksyen 326.
8. *Ibid*, seksyen 307.
9. *Ibid*, seksyen 299.
10. *Ibid*, seksyen 355.
11. *Ibid*, seksyen 357.
12. *Ibid*, seksyen 358.
13. *Ibid*, seksyen 375.
14. *Ibid*, seksyen 377.
15. *Ibid*, seksyen 377.
16. *Ibid*, Seksyen 323.
17. *Ibid*, Seksyen 324.
18. *Ibid*, Seksyen 325.
19. *Ibid*, Seksyen 326.
20. *Ibid*, Seksyen 304A.
21. *Ibid*, Seksyen 302.
22. Kanun Acara Jenayah, Seksyen 58.
23. Kanun Acara Jenayah, Seksyen 104.
24. Rafeah Saidon, "The Legal Remedy for the Battered Wife Under the Criminal Law and Civil Law of Malaysia", Law Research and Methodology Paper, MCL, Universiti Islam Antarabangsa, 1995, hal. 5; Lihat juga Nisar Ahmad Ganai, "The Battering Syndrome in Modern Malaysia: Law and Practice", ICLR, XIV (1994), hal 46.
25. Nisar Ahmad Ganai, *Supra*, note 24.
26. Rafeah Saidon, *op.cit.*
27. Seksyen 9(2) Akta perempuan Bersuami, 1957 (Akta 450) Pin daan 1990 dan 1994; lihat juga Ahmad Ibrahim, "Actions in Tort", [1990] 1 MLJ. hal. xxxiii; Nisar Ahmad Ganai, *op.cit.*, hal. 53; Rafeah Saidon, *supra*, nota no. 24, hal. 6.

28. [1993] 1 CLJ 264-272.
29. *Ibid.*
30. Lihat Ahmad Ibrahim, "Actions in Tort", *op.cit.*, lihat juga *Drinkwater Iwn Kimber*, [1952] 2 QB hal. 281.
31. Seksyen 107 Akta Undang-undang Keluarga Islam (wilayah Persekutuan) 1984.
32. Lihat juga ahmad Ibrahim, "Actions in Tort", *op.cit.*, lihat juga seksyen 4 A Akta Perempuan Bersuami 1957 (Pindaan 1994).
33. Seksyen 54 (b) akta Membaharuan Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976.
34. Nisar Ahmad Ganai, *op.cit.*, hal. 51.
35. Lihat seksyen 57(2) Akta memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan & Perceraian) 1976.
36. Seksyen 52(h) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
37. [1991] 8 JH 289.
38. Seksyen 50(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
39. Seksyen 50(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
40. [1970] 3 JH 120.
41. [1975] 3 JH 84.
42. Seksyen 107 (1) & (2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
43. Noor Aziah Hj. Mohd Awal, "Penganiayaan Wanita dalam rumah tangga", *Undang-undang Wanita dan Kanak-kanak*, Rohani Abdul Rahim (Diedit), Citra Publishing Sdn. Bhd., Bandar Baru Bangi, 1991, hal. 20.
44. *Ibid.*
45. Seksyen 127 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.
46. Seksyen 128, *Ibid.*
47. Noor Aziah Hj. Mohd Awal, *op.cit.*, hal. 21.
48. Lihat Nisar Ahmad Ganai, *Ibid.*
49. Lihat Nisar Ahmad Ganai, *Ibid.*
50. *Ibid.*
51. *Ibid.*, hal. 22.
52. Lihat Nisar Ahmad Ganai, *op.cit.*
53. *Ibid.*
54. Lihat Rasamani Kandiah, "Domestic Violence Act 1994 and the Need for a Family Court", *10th Malaysian Law Conference*, Bar Council of Malaysia, 28-30 November, 1994, hal. 1; lihat juga Associate Professor Abu Bakar Munir & Nor Aini Abdullah, "Domestic Violence and the Need for the Family Court", *Ibid.*, hal-hal. 7-10; Chew Swee Yoke, "Domestic Violence and the Need for a Family Court", *Ibid.*, hal-hal. 19-21; Balwant Singh, "Domestic Violence and the Need for a Family Court", *Ibid.*, hal-hal 27-28.
55. Seksyen 2 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994; Nor Aini Abdul lah, "Marital Rape - Domestic Violence?", [1995] 2 MLJ 1 vii- iviii.
56. Lihat Rasamani Kandiah, *op.cit.*
57. Seksyen 3 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.
58. Seksyen 323 Kanun Kesiksaan.
59. Seksyen 325 Kanun Kesiksaan.

60. Seksyen 4(1) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.
61. *Ibid*, Seksyen 4(2).
62. *Ibid*, Seksyen 13.
63. *Ibid*, Seksyen 8(1) (2) & (3).
64. *Ibid*, Seksyen 4 & 5
65. *Ibid*, Seksyen 6 (i) & (2)
66. *Ibid*, Seksyen 9
67. *Ibid*, Seksyen 8
68. *Ibid*, Seksyen 10; lihat juga seksyen 4A Akta Perempuan Bersuami 1957 (Pindaan 1994).
69. Noor Aini Abdullah, *op.cit*.